

13 JUN 2000

Koh-Skim

P. PINANG SASAR LIMA TAHUN CAPAI K-MASYARAKAT

PULAU PINANG, 13 Jun (Bernama) -- Kerajaan negeri telah merancang satu kaedah baru bagi masyarakat di negeri ini mencapai sasaran K-Masyarakat, K-Ekonomi dan E-Dagang dalam tempoh lima tahun akan datang, kata Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Beliau berkata kaedah yang akan diumumkan akhir tahun ini bertujuan menyediakan kemudahan Internet bukan sahaja di setiap sekolah malah di setiap rumah.

Katanya bagi tujuan itu tempoh lima tahun diberikan bagi menyelaras dan menyediakan segala kemudahan berkaitan itu agar dapat dinikmati oleh semua golongan.

"Pengumuman mengenai bagaimana pelaksanaan kaedah itu dijalankan akan dibuat tidak lama lagi dan sasaran tempoh yang dibuat itu berdasarkan kemajuan dan perkembangan yang dinikmati di Pulau Pinang dalam pelbagai kemudahan berteknologi tinggi termasuk teknologi elektronik, komputer dan maklumat," katanya kepada pemberita selepas menerima anugerah ahli Kehormat Pertubuhan Pembangunan Latihan Serantau (Artdo) International di sini hari ini.

Koh berkata selain itu Pulau Pinang turut mempunyai ramai pakar dalam bidang berkaitan terutamanya dalam bidang teknologi maklumat yang diharap dapat membantu mencapai sasaran itu.

Katanya tempoh dua tahun akan datang merupakan saat genting bagi negeri ini kerana kerajaan telah meletakkan sasaran untuk menjadi sebagai pusat kecemerlangan teknologi maklumat (IT).

Koh berkata sudah tiba masanya rakyat di negeri ini bersatu untuk menggembeng tenaga bagi menjayakan kaedah berkenaan selaras dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melihat sasaran K-Masyarakat, K-Ekonomi dan E-Dagang dicapai.

Beliau turut mengalu-alukan penyertaan dari semua golongan termasuk dari peringkat bawahan sehingga ke syarikat multinasional dan media massa bagi merealisasikan matlamat itu.

Terdahulu itu, Koh diberi penghormatan sebagai orang pertama menerima anugerah ahli Kehormat Artdo International dari Presidennya, Dr Thomas Chee Khay Huat dalam satu majlis yang dihadiri lebih 100 tetamu di sini.

Anugerah itu diberikan kepada Koh kerana sumbangannya di dalam memajukan pendidikan tenaga sumber manusia dan pendidikan lain di negeri ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Agung Artdo International, Bernardo F.Ople dari Filipina.

Artdo International, yang ditubuhkan pada 1974, mempunyai cawangan di 30 buah negara dan beribupejabat di Manila, Filipina.

-- BERNAMA

NER AKD